

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.10.2014

Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi membantu 6,000 pekerja MAS yang bakal diberhentikan melalui Pelan Penstrukturan Baru MAS. Adakah sebarang inisiatif dari Kerajaan bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan baru atau inisiatif lain bagi menampung kos sara hidup mereka buat sementara waktu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut piawaian dan penanda aras industri bagi syarikat penerbangan yang mempunyai persamaan dengan MAS dari segi saiz, laluan dan pelan perniagaan, jumlah optimum tenaga kerja yang diperlukan oleh MAS adalah seramai kira-kira 14,000 orang bagi memastikan operasi yang cekap dan produktif. Justeru itu, adalah dianggarkan seramai kira-kira 6,000 pekerja akan terlibat dalam proses pemberhentian (*retrenchment*). Ketika ini, MAS giat melaksanakan proses tapisan untuk menentukan *outfit* terbaik dari semua peringkat pengurusan dan sokongan bagi memperoleh kos operasi yang optimum.

Bagi memberikan sokongan kepada kira-kira 6,000 kakitangan MAS yang terlibat dalam proses pemberhentian tersebut, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) akan menujuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC) di bawah Pelan Penyusunan Semula MAS. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS. Ini termasuklah sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka

beralih pekerjaan
ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC akan diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi.

Tuan Yang di-Pertua,

Perjumpaan dengan kakitangan MAS menerusi beberapa sesi turun padang yang telah diadakan menunjukkan bahawa terdapat sokongan meluas ke atas penubuhan CRC dan OPC daripada kakitangan MAS di samping keinginan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai penyusunan semula ini. Kesatuan pekerja MAS berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai CRC dan OPC, khususnya jenis Latihan Semula yang disediakan, proses pemilihan, tempoh latihan, dan jangka masa untuk menyiapkan pusat tersebut.

Penempatan semula 6,000 orang pekerja dan jumlah pampasan bagi skim pemberhentian ini sedang dimuktamadkan sementara menunggu penyelesaian program penilaian bakat yang sedang dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim untuk memastikan bahawa bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam "MAS Baru".

Memandangkan jumlah dana yang besar serta usaha dan masa yang banyak diperlukan untuk menjayakan Pelan Pemulihan MAS ini, adalah kritikal bagi Kerajaan untuk memastikan pembentukan sebuah syarikat penerbangan yang berjaya dan mampan yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara menjelang penghujung pelaksanaan rancangan ini. Oleh itu, Khazanah komited untuk memastikan proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian yang melibatkan kakitangan MAS dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang ditetapkan bagi meminimumkan kesan kepada mereka yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (RABU)

SOALAN : 25

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tahap kesiapsiagaan sistem radar dan komunikasi Jabatan Penerbangan Awam (DCA) untuk mengawal dan memantau aliran trafik udara negara dan adakah kedua-dua sistem ini benar-benar berfungsi untuk mengesan kenderaan udara yang masuk dan keluar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua, tahap kesiapsiagaan sistem radar dan komunikasi Jabatan Penerbangan Awam (DCA) untuk mengawal dan memantau aliran trafik udara di *Kuala Lumpur Flight Information Region (KL FIR)* dan *Kota Kinabalu Flight Information Region (KK FIR)* adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization (ICAO)*.

Kedua-dua sistem ini dapat berfungsi untuk mengesan kenderaan udara yang masuk dan keluar negara melalui ruang udara Malaysia (*KL FIR* dan *KK FIR*). Ruang lingkup sistem radar dan komunikasi adalah meliputi keseluruhan ruang udara di semenanjung Malaysia (*KL FIR*) dan ruang udara Sabah dan Sarawak (*KK FIR*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Puan Teresa Kok Suh Sim
[Seputeh]**

TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (rabu)

SOALAN : 26

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan kos pembinaan KLIA & KLIA2 dan cukai lapangan terbang yang dikenakan oleh MAHB di kedua-dua lapangan terbang ini. Nyatakan jumlah penumpang yang menggunakan KLIA & KLIA2 pada Julai, Ogos, September 2014 dan cukai (airport tax) yang dikutip di KLIA dan KLIA2.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kos yang dibelanjakan bagi pembinaan KLIA dan KLIA2 adalah sebanyak RM 13 billion.

Cukai lapangan terbang (ataupun lebih tepat *Passenger Service Charge* (PSC) yang dikenakan di KLIA dan KLIA2 adalah RM65 dan RM32 bagi penumpang berlepas antarabangsa dan RM9 dan RM6 bagi penumpang berlepas domestik masing-masing,

Jumlah penumpang yang menggunakan KLIA pada Julai dan Ogos 2014 adalah sebanyak 3,893,691 orang. Manakala jumlah penumpang yang menggunakan KLIA2 bagi tempoh tersebut adalah seramai 3,936,652 orang. Jumlah penumpang pada bulan September masih dalam proses pengiraan.